

Peralihan kepemimpinan dinamik

Komposisi ahli lembaga pengarah syarikat Malaysia lebih menyeluruh

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Komposisi ahli lembaga pengarah syarikat di Asia, termasuk Malaysia, menyaksikan peralihan positif lebih dinamik dari segi kepelbagaiannya, jantina, bakat dan pengalaman, dengan tumpuan diberikan kepada kepemimpinan secara kolektif.


Pengarah Urusan merangkap Naib Presiden Asia Pasifik Center For Creative Leadership (CCL), Elisa Mallis, berkata dengan globalisasi, penggunaan pesat teknologi, peningkatan keperluan bagi pengurusan risiko dan demografi peralihan tenaga kerja menjadikan perniagaan lebih kompleks, sekali gus menjurus kepada komposisi lembaga pengarah yang lebih meluas.

Beliau berkata, walaupun selepas rombakan besar pada lewat 1990-an, tadbir urus korporat terus dilihat sebagai kos oleh kebanyakan organisasi.

Katanya, sejak awal 2000, sebagai maklum balas kepada krisis kewangan, pengawal selia dan kerajaan menerajui usaha memperkuat tadbir urus korporat, yang mana kebanyakan negara mengeluarkan satu siri kod tadbir urus dan peraturan di sekitar penyeraaan, mengawasi ketelusan, induksi pengarah kebebasan mandatori, transaksi pihak berkaitan, dan sebagainya.

Bagaimanapun, katanya, kod dan peraturan sedemikian tidak menyelesaikan isu tadbir urus korporat yang berbangkit, yang mana ia menjurus kepada kesedaran bahawa organisasi juga perlu mengambil lebih pendekatan pada kepemimpinan kalangan lembaga pengarah, bagi memperkuatkannya lagi proses tadbir urus dan pengurusan risiko.

"Secara perlahan-lahan tetapi pasti, ia beralih kepada elemen manusia dan kepemimpinan lembaga pengarah," kata-naya pada taklimat media mengulas hasil kaji selidik Bold 3.0:



Elisa (kiri), Zarinah (tengah) dan Michele (kanan) selepas taklimat media mengulas hasil kaji selidik Bold 3.0: Kesedarian Kepimpinan Lembaga Pengarah di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mustaffa Kamal/BH)

Kesedarian Kepimpinan Lembaga Pengarah di Asia Pada Masa Depan, di ibu pejabat baru Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Institut Pengarah Korporat Malaysia

(ICDM), Tan Sri Zarinah Anwar dan Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Michele Kythe Lim.

Kaji selidik Bold 3.0 dijalankan CCL dengan kerjasama persatuan lembaga pengarah syarikat di enam negara Asia,

khususnya India, Malaysia, Filipina, Singapura, Sri Lanka dan Vietnam.

Kaji selidik di Malaysia membabitkan 120 responden terdiri daripada ahli lembaga pengarah di lebih 100 syarikat di negara ini.

DENGAN HANYA SATU KAD memudahkan anda untuk berzakat

Kami menerima kad debit dan kad kredit Islamik untuk bayaran zakat

Dapatkan rebat cukai pendapatan sehingga 100% dengan bayaran zakat harta anda tahun ini.

PUSAT KUTIPAN ZAKAT

Mana-mana individu yang telah membuat taksiran zakat pendapatan untuk tahun 2018 dan layak untuk menunaikan zakat, pastikan membuat bayaran sebelum
31 Disember 2019

Elakkan diri anda daripada dikenakan tindakan undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Pahang

Sebarang kemasukan hubungi
09-5131515 atau layari www.zakatpahang.my

f
ZAKATPAHANG

Pusat Kutipan Zakat Pahang, No. 111A, Tingkat 1,
Bangunan MUIP, Jalan Mahkota, 25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.